



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 17 Mei 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
 Unit Komunikasi Korporat
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Kemiskinan Haid Di Malaysia Tidak Membimbangkan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967648/kemiskinan-haid-di-malaysia-tidak-membimbangkan</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/910205/malaysia-s-period-poverty-not-worrying-says-nancy</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/05/16/period-poverty-not-at-worrying-level-says-minister/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/665402</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/665395</p> <p>https://www.sinardaily.my/article/196224/malaysia/national/fe-males-do-not-need-to-whisper-on-periods-men-should-know-its-natural</p>	<p>Harian Metro</p> <p>NST</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Sinar Daily</p>

	<p>https://bernama.com/en/general/news.php?id=2189681</p> <p>https://www.malaysianow.com/news/2023/05/17/period-poverty-not-at-worrying-level-says-women-development-minister</p> <p>https://headtopics.com/my/period-poverty-not-at-worrying-level-says-minister-39213323</p> <p>https://www.malay.news/10-sekolah-terima-dana-rm10000-dalam-kotex-she-can/</p> <p>https://suarasarawak.my/kemiskinan-haid-di-malaysia-tidak-membimbangkan/</p>	<p>Bernama</p> <p>Malaysia Now</p> <p>Head Topics</p> <p>Malay News</p> <p>Suara Sarawak</p>
2	<p>Wanita Bangkit: Suri Rumah Jana Pendapatan Dari Rumah</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/63611-wanita-bangkit-suri-rumah-jana-pendapatan-dari-rumah</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/05/16/nancy-hails-women-entrepreneurs-contribution-to-economy/</p>	<p>Berita RTM</p> <p>FMT</p>
3	<p>KPWKM Anjur Program Sempena Hari Ibu 2023 Dan Hari Keluarga Antarabangsa</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/16/kpwkm-anjur-program-sempena-hari-ibu-2023-dan-hari-keluarga-antarabangsa</p>	<p>Utusan Borneo</p>
4	<p>Taska Disyaki ‘Seksa’ Bayi Tak Daftar JKM</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/16/taska-disyaki-seksa-bayi-tak-daftar-jkm/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=taska-disyaki-seksa-bayi-tak-daftar-jkm</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-tutup-operasi-taska-tidak-berlesen-kasari-dua-bayi-serta-merta/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1101977/taska-terbabit-kes-dera-ditutup</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/665407</p>	<p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Kini</p>

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/258825/berita/semasa/kasari-bayi-jkm-tutup-operasi-taska-serta-merta</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=L4HGeeAWfzc</p> <p>https://www.hotfm.audio/operasi-tanpa-lesen-taska-kes-kasari-bayi-diarah-tutup/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/05/16/taska-terlibat-kes-dera-diarah-tutup-operasi/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/operasi-tiga-cawangan-taska-terlibat-kes-dera-ditutup/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kasari-bayi-jkm-tutup-operasi-taska-tidak-berlesen-sertamerta-419864</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Hot FM</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p>
5	<p>Kanak-Kanak Enam Tahun Cemas ‘Tertinggal’ Di Medan Selera</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kanak-kanak-enam-tahun-cemas-tertinggal-di-medan-selera/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967606/ibu-sangka-anak-bersama-bapa-bapa-pula-sangka-anak-bersama-ibu</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/16/kanak-kanak-enam-tahun-tertinggal-di-medan-selera/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/16/ibu-bapa-tertinggal-anak-di-medan-selera/</p> <p>https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/16/suami-isteri-tak-sedar-anak-tertinggal-di-kedai-makan-di-raub/</p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p>
6	<p>Pengasuh Tular Dera Bayi Direman</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-tular-dera-bayi-direman-419751</p> <p>https://www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/05/909887/police-looking-woman-help-probe-child-abuse-case</p>	<p>Astro Awani</p> <p>NST</p>

https://www.sinarharian.com.my/article/258843/berita/nasional/tiada-alasan-benarkan-keganasan-fizikal-terhadap-kanak-kanak	Sinar Harian
https://majoriti.com.my/berita/2023/05/16/tiada-alasan-benarkan-keganasan-fizikal-mental-terhadap-kanak-kanak-tegas-che-puan-besar-khaleeda	Majoriti
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-tular-dera-bayi-direman-419751?utm_source=Telegram&utm_medium=Referral	Astro Awani
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967385/pengasuh-tular-kasari-bayi-direman-empat-hari	Harian Metro
https://www.sinarharian.com.my/article/258751/berita/semasa/pengasuh-tular-dera-bayi-direman	Sinar Harian
https://www.kosmo.com.my/2023/05/16/wanita-ditahan-disyaki-seksa-dua-bayi/	Kosmo
https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1101824/dera-bayi-pengasuh-taska-direman-empat-hari	Berita Harian
https://www.youtube.com/watch?v=F9oU8AhpDF8	Buletin TV3
https://www.sinarharian.com.my/article/258791/video/berita-semasa-video/wanita-kasari-bayi-direman-empat-hari	Sinar Harian
https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2023/05/16/langsung-tiada-hati-perut-pengasuh-kejam-tergamak-tekup-hempas-kepala-bayi-masih-dibedung	MStar
https://www.malaysiakini.com/news/665316	Malaysia Kini
https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/16/polis-cari-wanita-pukul-tepuk-kepala-bayi-dalam-video-tular/	FMT
https://malaysiagazette.com/2023/05/16/wanita-dera-bayi-ditahan/	Malaysia Gazette
https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/pengasuh-ditahan-disyaki-kasari-dua-bayi/	Utusan

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-kasari-bayi-di-taska-ditahan/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/16/kasari-bayi-wanita-direman-empat-hari-mulai-hari-ini</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/63566-dera-bayi-wanita-berusia-21-tahun-ditahan</p> <p>https://www.thesundaily.my/home/wanita-ditahan-bantu-siasatan-kes-dera-bayi-di-mutiara-rini-EA10981014</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/wanita-dicari-bantu-siasatan-kes-dera-bayi-di-taska/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2189423</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/05/polis-kesan-pengasuh-kasari-bayi-di-taska/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Berita RTM</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Bernamea</p> <p>Edisi 9</p>
7	<p>Rogol Kanak-Kanak Hingga Lahirkan Bayi, Lelaki Dijel 8 Tahun, 4 Sebatan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1101859/rogol-kanak-kanak-hingga-lahirkan-bayi-lelaki-dijel-8-tahun-4-sebatan</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=f4Nt1eXbyo</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/16/pekerja-pembersihan-rogol-kanak-kanak-dihukum-penjara-lapan-tahun-empat-sebatan</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan Borneo</p>
8	<p>Kurang Upaya Tak Halang Jasmi Berbakti Sebagai Pendidik, Raih Anugerah Guru Berwibawa</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1101891/kurang-upaya-tak-halang-jasmi-berbakti-sebagai-pendidik-raih?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/anugerah-bukti-guru-oku-mampu-berjaya-tangkis-persepsi-suka-meminta-minta/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/967680/jasmi-bukan-pendidik-biasa</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Harian Metro</p>

<https://newswav.com/article/anugerah-bukti-guru-oku-mampu-berjaya-tangkis-persepsi-suka-meminta-minta-A2305 DXipmC>

Newswav

KEMISKINAN HAID DI MALAYSIA TIDAK MEMBIMBANGKAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/967648/kemiskinan-haid-di-malaysia-tidak-membimbangkan>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Kemiskinan haid di Malaysia dilihat berada pada tahap yang tidak membimbangkan susulan pemberian tuala wanita itu sentiasa dilaksanakan oleh kerajaan.

Inisiatif itu diberikan kepada kumpulan sasaran seperti orang asli, golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan tidak berkemampuan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pemberian tuala wanita itu dijalankan bagi memastikan kumpulan berkenaan tidak ketinggalan.

"Inisiatif itu juga bagi menjamin tahap kebersihan wanita sewaktu menjalani tempoh berkekaan (haid)," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Dana Kotex She Can, di sini, hari ini.

Dalam majlis itu, beliau menyaksikan penyerahan cek berjumlah RM100,000 kepada 10 sekolah dengan setiap satu sekolah berkenaan menerima RM10,000.

Nancy berkata, sudah tiba masanya untuk pendidikan mengenai haid diperkasa.

"Kalau kita lihat dari dulu-dulu lagi perkara ini tidak banyak dibincangkan kerana segan dan malu.

"Namun sudah tiba masanya kita pandang ke hadapan dan menggalakkan mengenai pendidikan mengenai haid," katanya.

Dengan adanya pendidikan mengenai haid, katanya, perkara itu tidak akan menjadi tabu dalam kalangan masyarakat.

"Mereka (remaja wanita) perlu mengetahuinya supaya dapat menguruskan diri sendiri serta dapat mewujudkan suasana kondusif.

"Dengan adanya media sosial seperti TikTok dan Youtube, ia dapat memberi pengetahuan serta didikan itu dengan lebih mudah dan dapat diterima oleh masyarakat termasuk kaum lelaki," katanya.

Sementara itu, beliau turut memaklumkan Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas masih diperhalusi dan dijangka dibentangkan di Parlimen tahun hadapan.

WANITA BANGKIT: SURI RUMAH JANA PENDAPATAN DARI RUMAH

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/63611-wanita-bangkit-suri-rumah-jana-pendapatan-dari-rumah>

Sumber : Berita RTM



KUALA LUMPUR, 16 Mei- Golongan suri rumah tidak ketinggalan untuk diberi peluang menjana pendapatan dari rumah.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, kementeriannya sedia membantu golongan ini yang memiliki bakat-bakat tertentu seterusnya membuka peluang sehingga bergelar usahawan.

"Selepas COVID-19 kita bantu mereka kita bagi RM500 seorang. Mereka hanya berada di rumah

dan mereka mempunyai bakat-bakat hendak menjualkan produk macam sebelum Hari Raya mereka nak menjual kuih sekarang ini.

"Sebelum pesta Gawai sebelum Tadau Kaamatan kita hendak pergi ke tempat-tempat yang berkaitan untuk membantu mereka. Mereka membuatnya di rumah dan mereka boleh juga menjaga anak," kata Nancy selepas menyampaikan anugerah kepada 11 usahawan kraftangan wanita di majlis Anugerah The Artisans Haven anjuran Persatuan Pembangunan Artisan di ibu negara.

Bakat-bakat tersebut dikesan melalui program Wanita Bangkit yang turut memberi sumbangan dari segi peralatan mengikut bidang perniagaan yang diceburi.

KPWKM ANJUR PROGRAM SEMPENA HARI IBU 2023 DAN HARI KELUARGA ANTARABANGSA

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/16/kpwkm-anjur-program-sempena-hari-ibu-2023-dan-hari-keluarga-antarabangsa>

Sumber : Utusan Borneo



PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengatur beberapa program bagi meraikan Hari Ibu 2023 dan Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa.

Pada Majlis Jalinan Kasih KPWKM bersama Kumpulan Sasar yang diadakan hari Isnin (15 Mei), Menteri KPWKM, Nancy Shukri mengumumkan KPWKM memilih tema Hari Ibu 'Ibu, Suri Hatiku' bagi menghargai peranan ibu dalam membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang.

"Tidak terlambat kiranya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Datuk Dr. Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas penganugerahan Ministerial Award berdasarkan pembentangan kertas bertajuk

'Women Empowerment: At Least 30% of Women in Decision Making Position' di Global Summit of Women di Dubai, UAE pada 5 Mei yang lepas," kata Nancy.

Pengiktirafan ini diterima negara atas perkongsian amalan terbaik negara dalam usaha-usaha berterusan untuk pemerksaan wanita sebagai pembuat keputusan di pelbagai sektor, katanya.

Antara program KPWKM yang diadakan sempena Hari Ibu dan Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa ialah promosi pakej saringan KASIH Ibu secara percuma dari 15 hingga 20 Mei 2023 di 49 Klinik Nur Sejahtera LPPKN. Selain tu, Program Raikan Hari Ibu bersama KafeTEEN iaitu aktiviti advokasi media sosial video kreatif dan tip sempena Hari Ibu oleh para remaja dan Sahabat KafeTEEN turut dilaksanakan.

KPWKM juga melancarkan hashtag 'IniKeluargaSaya', sebuah kempen bersempena dengan Hari Keluarga Antarabangsa dan juga berdasarkan kempen Keluarga Harmoni, Negara MADANI yang akan berjalan sehingga Bulan Keluarga Kebangsaan pada November nanti.

Turut hadir pada Majlis Jalinan Kasih di Dewan Perdana Nur, KPWKM ialah Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara, Pengarah Institut Sosial Malaysia dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara.

"Majlis seumpama ini amat bermakna kerana mengumpulkan semua pihak yang bukan sahaja bekerjasama dengan Kementerian ini, tetapi juga mereka yang merupakan kumpulan sasaran kami," ulas Nancy.

TASKA DISYAKI 'SEKSA' BAYI TAK DAFTAR JKM

https://www.kosmo.com.my/2023/05/16/taska-disyaki-seksa-bayi-tak-daftar-jkm/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=taska-disyaki-seksa-bayi-tak-daftar-jkm

Sumber : Kosmo



KUALA LUMPUR – Taska yang disyaki terlibat dalam kes penderaan dua bayi di Taman Mutiara Rini, Skudai di Johor disahkan tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pengoperasiannya.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, sehubungan itu, pihaknya melalui JKM bertindak menutup taska tersebut hari ini.

“Taska tersebut tidak berdaftar dan tindakan akan diambil ke atas premis tersebut. Kita sudah dapat laporan polis dan individu tersebut (suspek) sudah pun direman polis.

“Jadi siasatan juga dibuat daripada pihak kebajikan dan akan menjalankan tugas kita,” katanya ketika ditemui pada majlis Penyampaian Anugerah ‘The Artisans Haven’ di Pavilion di sini, hari ini.

Katanya, pihak kementerian turut menerima laporan daripada orang awam di talian eKASIH yang beroperasi 24 jam selepas terlihat video tular di media sosial.

Terdahulu Kosmo! hari ini melaporkan, tular sebuah video seorang pengasuh yang didakwa ‘menyeksa’ seorang kanak-kanak untuk mendiamkannya di sebuah taska, di Taman Mutiara Rini sejak malam tadi.

Di dalam beberapa video yang dimuat naik oleh seorang pengguna Facebook, Sinar Hairan, kelihatan kanak-kanak itu terbaring dalam keadaan tidak berhenti menangis.

Pengasuh itu kemudiannya menepuk kepala beberapa kali diikuti menjerit dan beberapa perlakuan kasar yang lain terhadap kanak-kanak itu untuk mendiamkannya.

Susulan itu, Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat dilaporkan berkata, terkesan dengan penularan klip video berkenaan, polis berjaya menahan wanita warga tempatan di kawasan Bandar Selesa Jaya, Skudai pada pukul 2 pagi tadi. – KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK ENAM TAHUN CEMAS ‘TERTINGGAL’ DI MEDAN SELERA

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kanak-kanak-enam-tahun-cemas-tertinggal-di-medan-selera/>

Sumber : Utusan



RAUB: Seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun melalui saat yang mencemaskan apabila ‘tertinggal’ di sebuah kedai makan selepas keluarganya berhenti rehat di Medan Selera Simpang Kallang di sini.

Kanak-kanak lelaki itu ditinggalkan keseorangan selama kira-kira empat jam sebelum bertemu semula dengan bapanya yang datang ke Ibu Pejabat polis Daerah (IPD) Raub, semalam.

Dalam kejadian itu, keluarga kanak-kanak itu singgah di medan selera tersebut bersama saudara mara mereka ketika dalam perjalanan pulang ke Kelantan selepas menghadiri majlis kenduri. Difahamkan, bapa mangsa pergi ke Kuala Lumpur untuk membeli alat ganti kereta selepas kereta dinaiki mereka rosak di Raub.

Ketua Polis Daerah, Superintenden Mohd. Shahril Abd. Rahman berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 11 pagi itu, kanak-kanak tersebut ditinggalkan ketika mangsa pergi ke tandas.

“Semasa kejadian bapa kanak-kanak itu bergerak ke Kuala Lumpur dengan sebuah kereta manakala ibunya menaiki sebuah lagi kereta ke Jeli, Kelantan bersama adik dan abang mangsa serta saudara mara lain.

“Sangkaan ibunya kanak-kanak terbabit berada bersama bapanya dan bapanya pula menyangka kanak-kanak itu berada bersama ibunya,” katanya di sini hari ini.

Menurut Mohd. Shahril, bapa mangsa hanya menyedari anak keduanya itu ‘tertinggal’ ketika berada di Rawang, Selangor apabila dihubungi isterinya.

“Kanak-kanak berkenaan dibawa ke balai polis pada pukul 1 tengah hari sebelum bapa mangsa menghubungi pihak polis bagi memaklumkan kejadian,” katanya.

Beliau memberitahu, bapa mangsa tiba di balai polis dan mengambil kanak-kanak berkenaan kira-kira pukul 3.30 petang. – UTUSAN

PENGASUH TULAR DERA BAYI DIREMAN

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-tular-dera-bayi-direman-419751>

Sumber : Astro Awani



JOHOR BAHRU: Seorang pengasuh pusat jagaan kanak-kanak (taska) direman empat hari bagi membantu siasatan kes mengasari dua bayi di sebuah taska swasta di Mutiara Rini, Johor Bahru.

Wanita berusia 21 tahun itu direman bermula hari ini hingga 19 Mei depan selepas kebenaran reman dikeluarkan Majisteret R Salini di Mahkamah Majisteret Johor Bahru, pagi ini.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat dalam satu kenyataan berkata wanita itu ditahan di Bandar Selesa Jaya, Skudai pada jam 2 pagi tadi.

[TERKINI] Kes mengasari bayi: Pengasuh direman empat hari

Hasil siasatan yang dijalankan mendapati kejadian berlaku di sebuah tadika yang berada di kawasan Mutiara Rini.

Mangsa merupakan kanak-kanak perempuan berumur 11 bulan dan kanak-kanak lelaki berumur 9 bulan.

Kes kini disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Semalam, dua video tular di media sosial berdurasi 48 saat dan 39 saat menunjukkan seorang perempuan warga tempatan mengasari dua bayi dengan menepuk kepala mangsa dan meniup muka mangsa yang sedang menangis.

ROGOL KANAK-KANAK HINGGA LAHIRKAN BAYI, LELAKI DIJEL 8 TAHUN, 4 SEBATAN

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1101859/rogol-kanak-kanak-hingga-lahirkan-bayi-lelaki-dijel-8-tahun-4-sebatan>

Sumber : Berita Harian

TAWAU: Seorang pekerja pembersihan dihukum penjara lapan tahun dan empat sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, selepas mengaku bersalah merogol kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun sehingga melahirkan bayi lelaki, November lalu.

Hakim Rosli Ahmad menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Muhammad Ali, 47, selepas tertuduh membuat pengakuan bersalah mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Ali yang juga pemegang pasport warga Indonesia didakwa merogol mangsa yang berumur 13 tahun (ketika kejadian) di sebuah rumah pekerja ladang kelapa sawit di Semporna, jam 4 petang, 2 April 2022.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Suhaimi Suriana manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mohd Suhaimi dalam hujahnya memohon hukuman berat ke atas tertuduh mengambil kira faktor kepentingan awam selain kesan trauma dialami mangsa selepas dirogol tertuduh.

Katanya, mangsa dalam kes ini yang masih bersekolah sepatutnya menjalani kehidupan normal seperti kanak-kanak perempuan lain namun terpaksa memikul tanggungjawab sebagai Ibu dalam usia yang sangat muda.

"Laporan daripada Jabatan Kimia juga mengesahkan tertuduh adalah ayah kandung bayi terbabit.

"Pendakwaan juga mengambil kira faktor tertuduh dalam kes ini adalah warga asing yang masuk ke negara ini sewajarnya dijatuhi hukuman berat selain perlu diusir pulang ke negara asal," tegasnya.

Hakim kemudiannya, memerintahkan tertuduh dipenjarakan selama lapan tahun dan empat sebatan bermula dari tarikh tangkapan selain diusir pulang ke negara asal sebaik selesai menjalani hukuman.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh disyaki merogol mangsa yang ketika itu sedang tidur bersendirian di rumahnya kira-kira jam 4 petang pada 2 April tahun lalu.

Tertuduh bagaimanapun, ditangkap pada 21 November lalu selepas mangsa mengadu sakit perut sebelum mendapatkan rawatan di Hospital Tawau.

Hasil pemeriksaan mendapati, mangsa mengandung 38 minggu dan selamat melahirkan bayi lelaki sebelum mendedahkan dia dirogol tertuduh.



Muhammad Ali dihukum penjara lapan tahun dan empat sebatan selepas mengaku bersalah merogol kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun sehingga melahirkan bayi, November lalu.-
Foto NSTP/Abdul Rahemang Taiming

KURANG UPAYA TAK HALANG JASMI BERBAKTI SEBAGAI PENDIDIK, RAIH ANUGERAH GURU BERWIBAWA

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1101891/kurang-upaya-tak-halang-jasmi-berbakti-sebagai-pendidik-raih?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp

Sumber : Berita Harian



MELAKA: Bergelar orang kurang upaya (OKU) bukan penghalang buat Jasmi Md Tegol, 56, menabur bakti sebagai pendidik, sekali gus dipilih menerima Anugerah Guru Berwibawa pada Majlis Anugerah Hari Guru 2023 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini.

Guru subjek Bahasa Melayu dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lubok China di Masjid Tanah, Alor Gajah itu, berkata gelaran OKU sejak berusia setahun setengah, menyuntik semangat untuknya hidup seperti manusia normal lain.

"Saya anggap kekurangan diri sebagai peluang, bukan rintangan untuk bergelar pendidik dan anugerah yang saya terima ini juga atas kekurangan diri.

"Walaupun saya mempunyai masalah pada kaki kiri, terpaksa bertongkat, saya bekas atlet paralimpik negara dalam sukan badminton, malah pernah bergelar juara kebangsaan, dunia dan Asia," katanya yang juga Presiden Majlis Sukan dan Rekreasi OKU Malaysia.

Jasmi turut menerima wang tunai RM3,000 dan sijil penghargaan disampaikan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek pada majlis yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, malam tadi.

Beliau berkata, anugerah itu membuktikan kepada masyarakat bahawa OKU juga mampu berdikari dan mencapai kejayaan dalam hidup, sekali gus menangkis persepsi ramai bahawa golongan itu suka 'meminta-minta'.

Penerima Anugerah Guru Juara Digital kategori sekolah menengah dan rendah, Mimi Norashikin Md Jani, 38, dari SMK Panchor, Negeri Sembilan, anugerah itu akan mendorongnya terus membuka peluang dan ruang kepada pelajar mendalami dunia robotik.

Guru Reka Bentuk dan Teknologi itu berkata, walaupun sekolahnya 'sekolah kampung' dan mempunyai akses digital sangat terhad, sebuah 'digital maker hub' Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) berjaya diwujudkan di sekolah berkenaan, baru-baru ini.

"Saya dicalonkan menjadi juara kerana saya berjaya mewujudkan kumpulan robotik yang dikenali sebagai 'tech genius' sejak mula masuk sekolah berkenaan pada 2017.

"Bermula dengan projek itu, banyak lagi pertandingan inovasi melibatkan kelestarian alam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang kumpulan kami menangi," katanya yang memenangi wang tunai, sijil penghargaan dan plak.

Anugerah bagi tokoh pendidik itu menampilkan empat kategori, iaitu Anugerah Khas Pendidikan yang diterima enam guru, Anugerah Guru Inovatif (6), Anugerah Guru Berwibawa (7) dan Anugerah Guru Ikon (9).

Yang turut disampaikan pada majlis berkenaan ialah Anugerah Khas Menteri Pendidikan: Sekolah Citra MADANI, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nagka, Perlis selain tiga Anugerah #GuruJuaraDigital. - BERNAMA